

MAJLIS PERASMIAN HARI INTEGRITI DAN MAJLIS MENANDATANGANI IKRAR INTEGRITI KORPORAT (CIP) BERSAMA SPRM


Bagi meneruskan usaha dalam mewujudkan warga kerja berintegriti demi meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap perkhidmatan yang diberikan, Majlis Bandaraya Miri telah menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia pada 13 Disember 2013. Majlis menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) telah dilakukan oleh Encik Leonard Law Tiong Hang, Pemangku Setiausaha Bandaraya, Majlis Bandaraya Miri di hadapan Yang Berbahagia Dato' Hjh Sutinah binti Sutan, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Ibu Pejabat Putrajaya dengan disaksikan oleh Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi bin Abdul Ghani, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak serta Yang Berbahagia Encik Lawrence Lai Yew Son, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Miri. Bacaan Ikrar Integriti Korporat ini juga telah dipimpin sendiri oleh Pemangku Setiausaha Bandaraya bersama 400 orang warga anggota MBM.

Perasmian Hari Integriti Majlis Bandaraya Miri juga telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi bin Abdul Ghani, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak yang seterusnya melawat ke tapak pameran Inovasi KIK MBM.


2 orang pegawai SPRM telah dijemput untuk memberi Taklimat Pencegahan Rasuah kepada warga anggota MBM, Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Masyarakat serta Ahli-Ahli Jawatankuasa Penduduk yang bertujuan untuk memberi kefahaman bagaimana penglibatan masyarakat untuk membantu membentaras gejala rasuah dalam perkhidmatan awam.



Ketibaan Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi bin Abdul Ghani, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak



Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi bin Abdul Ghani, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak menyampaikan amanat beliau




Ucapan dari Yang Berbahagia Dato' Hj H Sutinah binti Sutan, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM



Ucpan Alu-Aluan oleh Encik Lawrence Lai Yew Son, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Miri



Acara pelancaran





Majlis menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) oleh Yang Berusaha Encik Leonard Law Tiong Hang, Pemangku Setiausaha Bandaraya



Penyampaian Cenderahati daripada Datuk Bandar Majlis Bandaraya



Lawatan ke tapak pameran SPRM

Lawatan ke tapak pameran Inovasi KIK MBM



Ceramah SPRM bersama masyarakat



*Disediakan oleh:
Dayang Hairanadzuriani
Jabatan Pentadbiran
20 Disember 2013*